

- Sewa yang diminta adalah sewa yang murasabah.
- Bangunan itu kosong selama tempoh yang baginya kredit balik itu dituntut.

Jika permohonan memenuhi syarat, pemohon akan menerima surat jawapan bersama dengan Borang Tuntutan Kredit Balik (Borang PEN 10).

## Kredit Balik

Mengikut Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan 1976, mana-mana bangunan yang kosong atau tidak diduduki dalam tempoh tidak kurang dari satu bulan dalam setengah tahun kalendar di mana bayaran cukai premis berkenaan telah pun dijelaskan, pemiliknya berhak membuat tuntutan kredit balik.

## Penting

**PASTIKAN BORANG ASAL TUNTUTAN KREDIT BALIK (BORANG PEN 10) DIKEMBALIKAN KEPADA MBMB SEBELUM 31 JANUARI TAHUN BERIKUTNYA SEKIRANYA PREMIS BERKENAAN TIDAK DIDUDUKI ATAU KOSONG SEHINGGA AKHIR TAHUN TERSEBUT**

**ATAU**

**PADA TARIKH PREMIS TERSEBUT DIDUDUKI SEKIRANYA PREMIS BERKENAAN DIDUDUKI SEMULA SEBELUM AKHIR TAHUN.**



**"Esok Bermula Dari Inu"**

*Jika anda ada masalah berkaitan,  
sila hubungi*

**JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**  
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,  
Gruha Makmur, No. 1,  
Lebuhraya Ayer Keroh, 75450 Melaka  
Tel: 06-2326411 samb. 582/583/585/586  
Faks: 06-2325716  
Laman web: <http://www.mbmb.gov.my>



MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

**Permohonan  
Pindahmilik  
Premis  
dan  
Tuntutan Premis  
Kosong/Roboh**

**JABATAN PENILAIAN &  
PENGURUSAN HARTA**

## Bilakah Anda Dikehendaki Membuat Permohonan Pindahmilik Pegangan Berkadar?

(Seksyen 160, Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

Apabila sesuatu pegangan berkadar dijualbeli atau dipindahmilik sama ada secara kasih sayang atau pesaka, maka penjual atau pemindahmilik dan pemilik atau penerima pindahmilik mesti memberitahu Majlis mengenai perkara tersebut dengan mengemukakan:

- **BORANG I** (oleh pembeli/penjual) sekiranya berlaku:-
  - Jual beli hartanah.
  - Pemberian kasih sayang/antara keluarga.
  - Perintah Mahkamah.

atau
- **BORANG I** (penerima pesaka) sekiranya berlaku:
  - Penukaran pemilik akibat kematian pemilik asal.
  - Penyerahan harta pusaka.
  - Perintah Mahkamah.

Permohonan Pindahmilik boleh dibuat oleh pemilik atau peguam, sertakan:

- 1 salinan Borang I yang didapati dari MBMB dan diisi dengan lengkap.
- 1 salinan Dokumen Hakmilik Tanah yang telah dipindahmilik kepada pemilik yang baru, **atau** 1 salinan Perjanjian Jualbeli **atau** 1 salinan Surat Penyerahan Hak **atau** Perintah Mahkamah.



- Salinan resit bayaran Cukai Taksiran Harta terkini yang telah dijelaskan.

*Perhatian: Semua dokumen yang tersebut di atas hendaklah diserahkan oleh Peguam, Silang, Ketua Kampung, Wakil Rakyat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A.*

Mengikut Seksyen 160, Akta Kerajaan Tempatan 1976, mana-mana pihak yang gagal membuat pindahmilik pegangan berkadar boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000.00 (Dua Ribu Ringgit Malaysia) atau dikenakan hukuman penjara.

## Apakah Yang Perlu Anda Lakukan Sekiranya Premis Anda Dirobuhkan?

Sekiranya anda memiliki premis yang telah roboh atau tidak layak diduduki lagi, anda dikehendaki memberitahu atau melaporkan kepada MBMB secara bertulis dengan segera, lengkap dengan alamat penuh premis berkenaan dan tarikh lanya roboh untuk mendapatkan pem-

batalan bil Cukai Taksiran Harta. Pindaan Nilai akan dibuat kepada tanah kosong untuk dikenakan Cukai Taksiran Harta.

## Apakah Yang Perlu Anda Lakukan Sekiranya Premis Anda Tiada Berpenguami?

Apabila premis anda kosong atau tidak diduduki, anda bertanggungjawab untuk memberitahu secara bertulis kepada MBMB dalam tempoh 7 hari dari tarikh kosong.

Mengikut Seksyen 162(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976, syarat-syarat yang ditetapkan untuk kelulusan permohonan kosong ialah:

- Premis disahkan kosong atau tidak diduduki.
- Premis berada dalam keadaan yang baik dan layak untuk diduduki.
- Segala usaha untuk menyewakan premis tersebut (seperti diiklankan) telah dibuat.

